


# BULETIN

# Kicau VETERINAR

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

EDISI 2/2024



m/s 16

**LAWATAN INTEGRITI  
KE MUZIUM PENJARA MALAYSIA**

m/s 15

**SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA  
PERINGKAT DVS**

m/s 12

**MAHA 2024**

m/s 9

**PERASMIAN CUBE@IVM**

m/s 10

**MAJLIS PELANCARAN  
PELAN STRATEGIK  
PEMBAIKBAKAAAN TERNAKAN  
MALAYSIA**

# Perutusan KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan menerbitkan Buletin Kicau Veterinar Bilangan 2/2024. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, saya berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan buletin ini.

Melangkau ke tahun 2025, diharapkan penerbitan ini akan berterusan dalam memberikan pelbagai info menarik menarik aktiviti dan program yang dijalankan Jabatan ini.

Sekali lagi, tahniah dan syabas kepada Sidang Redaksi Buletin Kicau Veterinar dan semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Selamat menyambut tahun Baharu 2025.

DR. AKMA BINTI NGAH HAMID  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Diterbitkan oleh:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR



# ISI KANDUNGAN

- 03 MAJLIS APRESIASI DAN PRA GRADUASI 2024
- 03 MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN AWAM VETERINAR (JKKAV)
- 03 SAMBUTAN TVET NEGARA 2024
- 04 MAJLIS PELUNCURAN BANGSI PERTANIAN TAHUN 2024
- 04 SAMBUTAN MAAL HIJRAH KEBANGSAAN 1446H/2024M
- 04 MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PAMERAN DAN PERTANDINGAN LEMBU HYBRID SADO TERBUKA PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2024
- 04 COFFEE TALK PENYAKIT HAIWAN DAN ZONOTIK SIRI 2/2024
- 05 KUNJUNGAN HORMAT DAN PERBINCANGAN BERKAITAN KESELAMATAN MAKANAN DAN PERDAGANGAN
- 05 SESI BUAL BICARA SEMPERNA SAMBUTAN HARI PENEROKA FELDA TAHUN 2024
- 05 LAWATAN KERJA KE NASHMIR CAPSULE SDN BHD
- 05 NS FEST
- 06 WAWANCARA DR SURATAN DI BERNAMA
- 06 PROGRAM BANCAN DAN PENDAFTARAN TERNAKAN BAKA TULEN
- 07 MOU PEK SUMBER KEBAJIKAN
- 07 PALESTINE DVS BUKIT JALIL
- 07 KEZALIMAN TERHADAP HAIWAN



- 08 MAJLIS PELUNCURAN PEK SUMBER  
KEBAJIKAN HAIWAN@ PRASEKOLAH**
- 08 SESI COFFEE TALK KHAS 2024 BERSAMA  
YBHG. DATO' DR. MOHAMMAD AZMIE  
ZAKARIA**
- 08 PEMERIKSAAN KESIHATAN UNIT K9  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA (JBPM)**
- 09 KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN  
MENTERI PERTANIAN DAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR REPUBLIK  
POLAND**
- 09 PERASMIAN CUBE@IVM**
- 10 LAWATAN KERJA KE LADANG TERNAKAN  
LEMBU DAN RUMAH SEMBELIH SWASTA  
DI PERLIS**
- 10 MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK  
PEMBIAKBAKAAN TERNAKAN MALAYSIA,  
BUKU PANDUAN PERMANIAN BERADAS  
PADA LEMBU, KATALOG PEJANTAN BAKA  
& APLIKASI MYFEED**
- 11 WAWANCARA KPPV SPM**
- 11 MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN  
PERKHIDMATAN VETERINAR BERSAMA  
AGENSI-AGENSI LUAR & PERTUKARAN  
NOTA KERJASAMA STRATEGIK ANTARA  
JABATAN PERTANIAN BERSAMA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
- 11 TAHNIAH DVS! TAHNIAH ENCIK BARNIN!**
- 12 MAHA 2024: MAHA EDISI 100 TAHUN  
PENGANJURAN**
- 15 KUNJUNGAN KSU KPKM BAHARU KE  
IBU PEJABAT, JABATAN PERKHIDMATAN  
VETERINAR**
- 15 SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA  
PERINGKAT DVS**
- 16 LAWATAN INTEGRITI KE MUZIUM  
PENJARA MALAYSIA**
- 16 TEMUBUAL DI RADIO NASIONAL FM**
- 16 CAPAI MATLAMAT DUNIA BEBAS RABIES  
TAHUN 2023**
- 17 KPPV @ APHCA**
- 17 INTERNATIONAL HEALTH REGULATIONS  
AND THE PERFORMANCE OF VETERINARY  
SERVICES (IHR-PVS) NATIONAL BRIDGING  
WORKSHOP**
- 17 LAWATAN KPPV KE DELIMA EMAS SDN  
BHD**
- 18 MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN WORLD  
AMR AWARENESS WEEK 2024 (WAAW  
2024)**
- 19 MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI DVS  
TAHUN 2024**
- 20 SEMINAR POTENSI INDUSTRI LEMBU  
HIBRID PEDAGING MALAYSIA 2024**
- 21 MALAYSIA MENANDATANGANI HCA  
ACCAHZ SEBAGAI TUAN RUMAH  
PERTAMA PUSAT PENYELARASAN  
KESIHATAN HAIWAN DAN ZONOSIS DI  
RANTAU ASEAN**
- 21 LAWATAN KERJA KPPV KE BIO-TEC-  
ANGLE VACS SDN. BHD**
- 22 INISIATIF MAMPAN UIAM MEMBAWA  
TRANSFORMASI DALAM PENGURUSAN  
HAIWAN TERBIAR**
- 22 PENERIMAAN SUMBANGAN MAKANAN  
HAIWAN KESAYANGAN UNTUK MISI  
BANTUAN DI NEGERI-NEGERI TERJEJAS  
BANJIR**

## MAJLIS APRESIASI DAN PRA GRADUASI 2024

Syabas dan tahniah untuk 67 orang pelajar yang telah diraikan di Majlis Apresiasi dan Pra Graduasi pelajar Sijil Veterinar Malaysia Sesi 2022/2024 dan pelajar Sijil Kemahiran Malaysia Ambilan ke-32, Institut Veterinar Malaysia. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Majlis juga turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Falizah binti Abdullah, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, wakil dari Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) dan pengarah-pengarah bahagian jabatan.

Seramai 17 orang pelajar Sijil Veterinar Malaysia telah berjaya menamatkan pengajian dengan pencapaian yang amat cemerlang dan 50 orang pelajar Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 yang akan menamatkan pengajian setelah menduduki verifikasi portfolio dan peperiksaan akhir pada bulan Ogos nanti.

Sebanyak 6 anugerah telah diberikan pada majlis tersebut iaitu Anugerah Pelatih Terbaik Sijil Kemahiran Malaysia Ambilan ke-32, Anugerah Pengarah Institut Veterinar Malaysia, Anugerah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Anugerah Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Ternakan, Anugerah Timbalan Ketua Pengarah Pembannngunan dan Anugerah Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Tahniah diucapkan kepada semua bakal graduan Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3. Semoga bertemu kembali di Majlis Konvokesyen Pertanian kali ke-13 tahun 2025.



## MESYUARAT JAWATANKUASA KESEHATAN AWAM VETERINAR (JKKAV)

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Awam Veterinar (JKKAV) ini merupakan satu platform untuk berkongsi maklumat berkaitan status pencapaian serta isu berkaitan keselamatan makanan hasilan ternakan, pengurusan kerintangan antimikrob (AMR), pengurusan penilaian dan pemantauan produk veterinar & pengurusan pencemaran industri ternakan.

Mesyuarat JKKAV kali ini adalah mesyuarat pertama pada tahun ini dan diadakan untuk menetapkan dasar, program dan aktiviti berkaitan tugas teknikal KAV yang diperlukan di peringkat kebangsaan.

Mesyuarat yang telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ini turut melibatkan Pengarah Kanan Bahagian, Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Ketua Bahagian Kesihatan/Regulatori Negeri, Makmal Kesihatan Awam Veterinar serta warga Bahagian Kesihatan Awam Veterinar.



## SAMBUTAN TVET NEGARA 2024

Sambutan Hari TVET Negara 2024 telah diadakan di Institut Teknologi Unggas (ITU), Masjid Tanah, Melaka bersekali dengan Program Jom Masuk TVET dan Job Matching. Program melibatkan pelajar sekolah di sekitar Masjid Tanah Melaka bagi memberikan pengenalan dan pendedahan berkaitan peluang melanjutkan pelajaran ke pengajian TVET yang ditawarkan di ITU Melaka.

Institut Teknologi Unggas (ITU) di bawah kendalian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) juga merupakan Pusat Bertauliah (PB) yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di dalam Bidang Penternakan Poltri (Unggas) yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Maklumat lanjut berkaitan PLKPK ini boleh layari laman sesawang <https://www.kpkm.gov.my/bpklp> serta pendaftaran bagi kemasukan sesi OGOS dengan permohonan terus melalui Sistem Permohonan ATPIS di <https://bit.ly/kpkmonline> sekiranya terlepas permohonan melalui UPU Online.



## MAJLIS PELUNCURAN BANCI PERTANIAN TAHUN 2024



Majlis Peluncuran Banci Pertanian Tahun 2024 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor.

Turut hadir di majlis tersebut, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Banci pertanian 2024 telah diadakan bermula pada 7 Julai 2024 sehingga 10 Oktober 2024.


"BANCI PERTANIAN 2024 KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN"

## SAMBUTAN MAAL HIJRAH KEBANGSAAN 1446H/2024M

Seramai 40 orang dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar turut hadir di Sambutan Maal Hijrah Kebangsaan 1446H/2024M yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



## MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PAMERAN DAN PERTANDINGAN LEMBU HYBRID SADO TERBUKA PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2024



Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid hadir di Majlis Perasmian Penutup Pameran dan Pertandingan Lembu Hybrid Sado Terbuka Peringkat Negeri Kelantan 2024 yang diadakan di Pantai Irama Bachok, Kelantan.

Program anjuran Persatuan Jurusuntik Permainan Beradas Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri ini mengumpulkan 200 ekor lembu hibrid sado pelbagai baka.

Hadir sama YB Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin bin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan dan Encik Shahiran bin Sha'ari, Timbalan Pengarah Pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

## COFFEE TALK PENYAKIT HAIWAN DAN ZONOTIK SIRI 2/2024

Program *Coffee Talk* Penyakit Haiwan dan Zoonotik yang merupakan aktiviti di bawah Jawatankuasa *Focal Point* Penyakit Haiwan dan Zoonotik (FoCAZ) telah diadakan bertempat di Ruang Bilik Perpustakaan, Aras 4, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Program yang dihadiri seramai 70 peserta dari DVS Ibu Pejabat, Negeri dan PERHILITAN ini bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan penyakit haiwan dan zoonotik kepada warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) oleh pegawai-pegawai DVS yang telah dilantik sebagai *Focal Point* Penyakit Haiwan dan Zoonotik (FPHZ).



## KUNJUNGAN HORMAT DAN PERBINCANGAN BERKAITAN KESELAMATAN MAKANAN DAN PERDAGANGAN

Sesi pertemuan dan perbincangan bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Pembangunan Genetik Dan Teknologi Penternakan, DVS bersama wakil dari persatuan MAIZALL (INTERNATIONAL MAIZE ALLIANCE), U.S GRAINS COUNCIL DAN MALAYSIAN CROPLIFE & PUBLIC HEALTH ASSOCIATION (MCPA) berkaitan tanaman jagung bioteknologi (*biotech maize crop*) merangkumi aspek *Food Security and Trade*.



## SESI BUAL BICARA SEMPERNA SAMBUTAN HARI PENEROKA FELDA TAHUN 2024



YBrs. Dr. Suratan bin Kamarudin hadir sebagai salah seorang ahli panel perbincangan pada majlis Sesi Bual Bicara sempena Sambutan Hari Peneroka FELDA Tahun 2024 pada 12 Julai 2024 bertempat di MAEPS, Serdang.

Dalam sesi bual bicara tersebut, topik yang dibincangkan adalah mengenai "Cabaran dan Strategi Keterjaminan Makanan di Malaysia".

## LAWATAN KERJA KE NASHMIR CAPSULE SDN BHD

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar mengadakan lawatan ke kilang pemprosesan kapsul gelatin Nashmir Capsule Sdn. Bhd yang terletak di Seberang Jaya, Prai, Pulau Pinang pada 26 Julai 2024.

Kilang ini membekalkan kapsul gelatin untuk kegunaan tempatan dan turut mengeksport produk keluar negara.



## NS FEST

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar berkunjung ke NS Fest yang berlangsung dari 27 Julai sehingga 3 Ogos 2024 di Dataran Nilai.

Aktiviti di Laman Ternakan yang dibawakan oleh DVS Negeri Sembilan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya demonstrasi pembuatan keju, pasar lelongan ternakan (berbiri), jualan produk tenusu, daging segar, peraduan teka berat kambing, peraduan teka jumlah burung puyuh dan banyak lagi.



## WAWANCARA DR SURATAN DI BERNAMA TV



Wawancara Apa Khabar Malaysia di BERNAMA TV pada 29 Julai 2024 bersama YBrs. Dr. Surat bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (P), Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas tajuk mengenai "PERANAN DVS BERHUBUNG KES DERA HAIWAN DI MALAYSIA".




## PROGRAM BANCIAN DAN PENDAFTARAN TERNAKAN BAKA TULEN

Program Bancian dan Pendaftaran Ternakan Baka Tulen telah diadakan pada 30 hingga 31 Julai 2024 di Pusat Pembiakan Kambing Bebiri (PPKB), Kg Kuala Pah, Negeri Sembilan.

Program Bancian Ternakan ini bertujuan untuk mendaftarkan ternakan baka tulen sebanyak 64 ekor baka Damara dan 6 ekor baka Red Kalahari yang terdapat di ladang ternakan PPKB Kg Pah.

Program ini dilaksanakan oleh Seksyen Teknologi Pembiakan dan Pembakaan yang diketuai oleh YBrs. Dr. Wan Aini binti Wan Mahamood, Pegawai Veterinar Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan dan warga kerja PPKB yang diketuai oleh YBrs. Dr. Ari Hajis bin Basir, selaku Pengurus pusat pembiakan tersebut.



## MOU PEK SUMBER KEBAJIKAN

Sesi menandatangani MOU antara DVS dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan YBhg. Dato' Darwis bin Abdul Razak, CEO MRL.

Kerjasama strategik dalam pembangunan Pek Sumber Kebajikan Haiwan bagi Prasekolah ini adalah untuk memberi pendidikan formal dan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan kepada murid-murid prasekolah di bawah KPM di seluruh Malaysia.



## PALESTINE DVS BUKIT JALIL

Sokongan dan penglibatan warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar di program Himpunan Pembebasan Palestin yang diadakan pada 4 Ogos 2024 di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

'Dari sungai ke segara, Palestin pasti merdeka'



## "KEZALIMAN TERHADAP HAIWAN"

YBrs. Dr. Marzuna binti Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Khalid Rashid, Presiden Kelab Kucing Malaysia di siaran Malaysia Hari Ini, TV3 yang membicarakan topik mengenai "KEZALIMAN TERHADAP HAIWAN" pada 14 Ogos 2024.



## MAJLIS PELUNCURAN PEK SUMBER KEBAJIKAN HAIWAN@ PRASEKOLAH


Majlis Peluncuran Pek Sumber Kebajikan Haiwan @ Prasekolah telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Turut hadir YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah membangunkan pek sumber kebajikan haiwan bertujuan untuk memberi pendidikan formal dan menerapkan budaya menyayangi haiwan kepada murid prasekolah.

Majlis ini telah diadakan pada 15 Ogos 2024 (Khamis) jam 8.00 Pagi di SK Putrajaya Presint 16(2), WP Putrajaya.

### SESI COFFEE TALK KHAS 2024 BERSAMA YBHG. DATO' DR. MOHAMMAD AZMIE ZAKARIA



Sesi Coffee Talk Khas 2024 telah diadakan di Dewan Auditorium, Makmal Kesihatan Awam Veterinar (MKAV) pada 30 Ogos 2024.

Sesi Coffee Talk Khas 2024 ini menampilkan tokoh pemimpin dan pemikir DVS yang disegani ramai iaitu YBhg. Dato' Dr. Mohammad Azmie Zakaria, mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.


Sejumlah lebih daripada 120 orang peserta telah hadir secara fizikal manakala lebih daripada 170 orang telah mengikutinya secara atas talian melalui live streaming di platform youtube. Sesi ini terbuka kepada staf DVS Malaysia sahaja dan semua peserta yang telah hadir merupakan staf dari serata DVS Negeri di seluruh Malaysia termasuk Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya.

Berdasarkan pengalaman dan ilmu mendalam sebagai Veterinary Epidemiologist yang berkelulusan Royal Veterinary College (RVC), London, YBhg. Dato' Dr. Mohammad Azmie bin Zakaria telah mengupas tujuh (7) cabaran utama DVS dalam kawalan penyakit haiwan dan zoonotik dengan pelbagai sentuhan pengalaman yang pernah dilalui beliau sepanjang karier dalam jabatan.



### PEMERIKSAAN KESIHATAN UNIT K9 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Pemeriksaan kesihatan telah diberikan kepada Unit K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) setelah selesai perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Putrajaya oleh DVS WP Kuala Lumpur.



## KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR REPUBLIK POLAND



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menerima kunjungan hormat dari Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Republik Poland , TYT Michał Kołodziejczak pada 2 September 2024 bertempat di Wisma Tani, Putrajaya.

DVS diketuai oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar YBrs Dr. Akma binti Ngah Hamid dan turut disertai oleh

pegawai-pegawai sumber DVS iaitu YBrs. Dr Mohammad Razli bin Abdul Razak, YBrs. Dr. Alifah binti Ismail, YBrs. Dr Nahariah binti Abdullah dan YBrs. Dr. Ardhy bin Adnan.

Pertemuan ini adalah penting bagi membincangkan hal ehwal semasa hubungan perdagangan haiwan dan produk haiwan antara Poland dan Malaysia serta mencari peluang penerokaan pasaran baru bagi kedua-dua negara.

## PERASMIAN CUBE@IVM

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah merasmikan Centre of Upskilling for Business Entrepreneurship Institut Veterinar Malaysia (IVM) CUBE@IVM, Kluang, Johor pada 10 September 2024 yang lalu.

Hadir sama YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan, Ahli Parlimen Sri Gading, YBrs. Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), YBrs. Dr. Zul Edham bin Wagiman, Pengarah IVM, pegawai-pegawai kanan kementerian dan jabatan.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu sempat meluangkan masa bersama pelajar-pelajar IVM dan turut meluahkan rasa bangga terhadap anak-anak muda yang semakin ramai berminat menceburi bidang penternakan dengan serius.



## LAWATAN KERJA KE LADANG TERNAKAN LEMBU DAN RUMAH SEMBELIH SWASTA DI PERLIS

Lawatan kerja YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Ladang Ternakan Lembu dan Rumah Sembelih Swasta di Perlis pada 26 September 2024.



## MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK PEMBIAKBAKAN TERNAKAN MALAYSIA, BUKU PANDUAN PERMANIAN BERADAS PADA LEMBU, KATALOG PEJANTAN BAKA & APLIKASI MYFEED



YBrs. Dr. Suratun bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan) merasmikan Majlis Pelancaran Pelan Strategik Pembiakbakaan Ternakan Malaysia, Buku Panduan Permanian Beradas Pada Lembu, Katalog Pejantan Baka & Aplikasi MyFeed pada 13 September 2024 bertempat di Dewan A, MAEPS, Serdang, Selangor.

Penerbitan dan aplikasi yang dihasilkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ini bertujuan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada semua pemain industri dan pihak yang terlibat iaitu:

- 1.1 Pelan Strategik Pembiakbakaan Ternakan Malaysia bertujuan meningkatkan kecekapan pengeluaran ternakan dan mensasarkan pengurangan kebergantungan ke atas pengimportan ternakan dan hasil ternakan serta jaminan sekuriti makanan berasaskan ternakan untuk jangka masa panjang.
- 1.2 Buku Panduan Permanian Beradas Pada Lembu disediakan sebagai bahan rujuk juruteknik dan jurusantik permanian beradas DVS dan persendirian serta pelajar yang terlibat secara langsung dengan



aktiviti pembiakbakaan di lapangan.

- 1.3 Katalog Pejantan Baka menyenaraikan semen beku baka tulen terpilih yang terdapat di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) dan boleh dijadikan sebagai rujukan pemegang taruh khususnya penternak untuk membiakkan lembu mereka menggunakan teknologi permanian beradas
- 1.4 Aplikasi MyFeed merupakan satu platform mudah alih (seperti telefon pintar dan tablet) untuk mengira dan merancang *ration* makanan harian yang lengkap untuk haiwan ternakan yang mesra pengguna dan dapat membantu penternak mengira dan merancang *ration* makanan harian dengan lebih mudah dan cepat.

## WAWANCARA KPPV BERSAMA SPM

Wawancara SELAMAT PAGI MALAYSIA (SPM) bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas tajuk mengenai KEUNIKAN LAMAN AGRO-FOOD TERNAKAN sempena MAHA 2024.



## MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR BERSAMA AGENSI-AGENSI LUAR & PERTUKARAN NOTA KERJASAMA STRATEGIK ANTARA JABATAN PERTANIAN BERSAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini menyaksikan Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Bersama Agensi-Ageni Luar & Pertukaran Nota Kerjasama Strategik Antara Jabatan Pertanian Bersama Universiti Putra Malaysia pada 20 September 2024 bertempat di Dewan A, MAEPS, Serdang, Selangor.



Dalam majlis tersebut, DVS melancarkan empat (4) Memorandum Persefahaman manakala satu (1) Pertukaran Nota Kerjasama Strategik DOA bagi mengukuhkan jalinan kerjasama strategik atau *Smart Partnership* bersama-sama dengan agensi luar iaitu:

1. MOU DVS-UM bertujuan untuk melaksana program penyelidikan dalam bidang pembiakan ternakan yang terancang bagi mengeksploitasi Bahan Genetik dan meningkatkan kualiti genetik ternakan berpotensi komersial.
2. MOU DVS-UPM bertujuan untuk memperkuat, memupuk dan mengembangkan kerjasama dalam bidang latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Sains Veterinar dan Penternakan Haiwan.



## TAHNIAH DVS! TAHNIAH ENCIK BARNIN!



Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kerana berjaya merangkul dua anugerah di Majlis Penutup MAHA 2024 yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di MAEPS, Serdang pada 22 September 2024.

DVS telah memenangi Anugerah Pavilion @ Laman PALING POPULAR

yang membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000.00. Satu anugerah lagi dimenangi menerusi Encik Barnin bin Haji Sawo yang berjaya merangkul anugerah Usahawan PALING MASYUKKK (Nilai Jualan) yang membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000.00.

Encik Barnin turut berjaya memenangi Anugerah Perdana Agro MAHA 2024 menerusi Anugerah Penternak Terbaik

pada 13 September 2024 bertempat di Bangi Resot Hotel.

Anugerah ini bertujuan untuk meraikan dan mengiktiraf kejayaan serta inovasi pengeluar dalam sektor pertanian, penternakan, perikanan dan industri makanan.

Encik Barnin yang menerima hadiah wang tunai sebanyak RM20,000.00 merupakan penternak yang telah menceburi bidang penternakan lembu selama 23 tahun bermula dengan lembu tempatan selama tiga tahun sebelum menumpukan kepada lembu Brahman sepenuhnya.

## MAHA 2024: MAHA EDISI 100 TAHUN PENGANJURAN

Pada 11 hingga 22 September 2024 yang lalu telah berlangsungnya program terbesar Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) iaitu Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) Tahun 2024 di MAEPS, Serdang, Selangor.


Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) turut tidak melepaskan peluang mempamerkan pelbagai jenis ternakan seperti lembu sado, kerbau, kambing, bebiri, unggas dan banyak lagi.

Dengan tema MAHA pada tahun ini, "Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom" atau dalam bahasa Melayu "Menuai Harapan Membina Masa Hadapan", tema ini membawa maksud bagi meraih masa depan pertanian yang lebih maju dan inovatif. MAHA 2024 akan menyaksikan pameran terbesar teknologi baharu, pemodenan dan pertanian pintar serta solusi hijau yang akan menentukan arah baru sektor agrikultur Malaysia.

Tahun ini juga merupakan MAHA edisi khas 2024 sempena meraikan 100 tahun penganjuran. Bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan perniagaan dalam sektor pertanian dan hortikultur dan menggalakkan inovasi, ia dilihat sebagai satu platform yang berharga membina rangkaian meneroka peluang perniagaan baharu.

Terima kasih kepada semua yang mengunjungi MAHA 2024 terutama Laman Agro Ternakan DVS. Semoga akan bertemu lagi pada edisi MAHA 2026.







## KUNJUNGAN KSU KPKM BAHARU KE IBU PEJABAT, JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kunjungan YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 7 Oktober 2024.



## SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DVS



Sambutan Hari Sukan Negara 2024 Peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah diadakan pada 14 Oktober 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Wisma Tani, Putrajaya.

Antara aktiviti yang dipertandingkan ialah:

1. Boling Ragbi
2. Dodgeball
3. Tarik tali

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Suratn bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) diiringi oleh YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar merangkap Pengerusi Kehormat, KESUVET.



## LAWATAN INTEGRITI KE MUZIUM PENJARA MALAYSIA

Bersempena dengan Sambutan Bulan Integriti, Unit Integriti DVS telah menganjurkan Program Lawatan Integriti ke Muzium Penjara Malaysia di Bandar Hilir Melaka pada 6 November 2024.

Seramai 38 orang pegawai dan kakitangan DVS telah menyertai lawatan ini dan telah disambut oleh Tuan Abdul Latif bin Mohamad, Pegawai Penjara Malaysia.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat berkaitan sistem hukuman dan kepenjaraan kepada masyarakat bagi membendung penglibatan masyarakat terhadap penyalahgunaan dadah dan jenayah disamping bersama-sama membendung masalah sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Para peserta program berpeluang mendalami kehidupan banduan disebalik tirai besi, kehidupan banduan akhir dan pelaksanaan Hukuman Gantung, serta pelbagai pameran termasuk pameran Bilik Hukuman Gantung, dan juga taklimat berkenaan hukuman sebat rotan berdasarkan hukuman jenayah sivil dan syariah seterusnya diakhiri dengan demonstrasi Hukuman Sebat Rotan.



## TEMUBUAL DI RADIO NASIONAL FM

Tembual YBrs. Dr. Aida Bt Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama Radio Nasional FM yang mengupas topik "Hari Rabies Sedunia 2024" pada 6 November 2024.



## CAPAI MATLAMAT DUNIA BEBAS RABIES TAHUN 2023

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar merasmikan Sambutan Rabies Sedunia yang bertemakan "Breaking Rabies Boundaries" pada 9 November 2024 bertempat di Palm Mall, Negeri Sembilan

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), YBrs. Dr. Rohaya binti Mohd Ali, YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, YBrs. Dr. Nurul Ain binti Ahmad, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, pengarah-pengarah DVS, Ketua-ketua jabatan dan agensi.



Dalam ucapan YBrs. Dr. Akma, beliau menyeru kepada semua untuk menyatukan tekad dan komited untuk sama-sama melangkaui segala sempadan dan halangan demi mencapai matlamat dunia yang bebas daripada ancaman rabies menjelang tahun 2030.

Ini kerana ancaman rabies akan kekal bahkan boleh meningkat sekiranya masyarakat masih tidak serius dalam mengambil langkah bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan.

Beliau juga memohon semua ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat untuk memainkan peranan dalam



mendidik anak-anak tentang bahaya penyakit rabies yang boleh membawa maut ini.

Selain pertunjukan anjing milik Unit Pengan (K9) Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM, turut diadakan Seminar Kesedaran Rabies, pameran agensi kerajaan, gerai jualan pet shop, pameran kucing, pertandingan mewarna dan banyak lagi.

**KPPV @ APHCA**

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar menghadiri 83rd Executive Committee Meeting & 45th Business Session of the Animal Production and Health Commission for Asia and the Pacific (APHCA) pada 11 November 2024 yang diadakan di Khon Kaen, Thailand.

Antara objektif program ini adalah:

1. Ringkasan aktiviti bagi tahun 2024;
2. Laporan terkini inisiatif ternakan dan ternakan di HQ FAO;
3. Pusat Pembelajaran Maya FAO RAP, untuk membangunkan kapasiti bagi memperkukuh kesediaan menghadapi Penyakit Haiwan Rentas Sempadan (TAD);

4. Ulasan berkaitan APHCA;
5. Persediaan dan perancangan bagi APHCA tahun 2025;
6. Keputusan dan Pengundian;
7. Perancangan 84th APHCA Executive Committee Meeting & 46th Business Session.



## INTERNATIONAL HEALTH REGULATIONS AND THE PERFORMANCE OF VETERINARY SERVICES (IHR-PVS) NATIONAL BRIDGING WORKSHOP

Bengkel yang telah diadakan pada 13 hingga 15 November 2024 ini merupakan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Bengkel ini melibatkan 100 orang peserta, fasilitator dan pemerhati dari pelbagai kementerian/jabatan. Bengkel ini dikendalikan oleh fasilitator dari Quadripartite iaitu daripada World Health Organization (WHO) dan World Organisation for Animal Health (WOAH) serta fasilitator dalaman daripada DVS, KKM dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Bengkel ini bertujuan untuk mengenalpasti jurang serta memperkukuh kerjasama antara agensi dalam pengesanan awal, pencegahan dan tindak balas terhadap penyakit zoonotik dan kecemasan kesihatan awam, selaras dengan pendekatan One Health. Bengkel ini merupakan komponen kritikal dalam analisa situasi bagi pembangunan Pelan Tindakan Bersepadu *One Health (One Health Joint Plan of Action)*.



## LAWATAN KPPV KE DELIMA EMAS SDN BHD

Lawatan kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Delima Emas Sdn Bhd (DESB) yang terletak di Taman Perindustrian Nilai pada 16 November 2024.

Lawatan dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai DESB oleh YBhg. Dato' Muhammed Saleh bin Abdul Malek, Pengerusi Eksekutif DESB seterusnya penerangan oleh Encik Shahrizal bin Shahidan, Ketua Pegawai Operasi DESB mengenai inovasi yang telah dijalankan di Delima Emas Processing Center (DEPC).

Delegasi turut diberi peluang untuk melawat Makmal Mikrob, Makmal R&D serta kawasan operasi bermula dari penerimaan, penyembelihan, pemprosesan, pembungkusan hinggalah penyimpanan DEPC.

Selesai lawatan, delegasi DVS telah dibawa ke Delima Space bagi merasai sendiri hidangan berasaskan ayam organik.

Terima kasih YBhg. Dato' Muhammed Saleh bin Abdul Malek, Pengerusi Eksekutif DESB dan team kerana telah menerima kehadiran delegasi DVS.

Turut hadir sama pada lawatan in ialah YBrs Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) dan YBrs Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar.



## MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN WORLD AMR AWARENESS WEEK 2024 (WAAW 2024)



Kerintangan antimikrob berlaku apabila ubat sedia ada tidak lagi berkesan terhadap mikrob iaitu bakteria, virus, parasit dan kulat. Ini terjadi akibat pelbagai faktor seperti penggunaan berlebihan dan penyalahgunaan ubat ini kepada manusia, haiwan dan tanaman. Amalan preskripsi yang tidak betul serta pengambilan ubat yang tidak mengikut saranan yang ditetapkan turut menyumbang kepada kerintangan antimikrob.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) membawa harapan agar semua pihak tidak kira penternak atau orang awam untuk lebih cakna dengan kesan AMR.

Sesi forum turut diadakan yang bertemaakan "Masa Depan Di Ambang Krisis: Apa Akibatnya Jika Kerintangan Antimikrob (AMR) Diabaikan?".

Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan di Hotel Everly, Putrajaya pada 19 November 2024.

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad turut mengambil kesempatan singgah ke rereuai pameran Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Turut hadir, YBrs. Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Kesihatan Veterinar), YBrs. Dr. Rabindra Abeyasinghe, wakil WHO Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, dan Mr. Michael Bucki Counsellor on Health, Environment and Agriculture EU Delegation to Thailand.



## MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI DVS TAHUN 2024

YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan hadir merasmikan Majlis Sambutan pada 21 November 2024 bertempat di Dewan Serbaguna KPKM, Wisma Tani, Putrajaya.

YBhg. Datuk Azah Hanim turut diiringi oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan YBrs. Dr. Rohaya binti Ali, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) dan Puan Rubihazatulhuda binti Ibrahim@Rahman, Ketua Unit Integriti DVS.

Dalam ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Azah Hanim, beliau mengingatkan semua hadirin bahawa integriti adalah asas untuk membawa perubahan positif kepada rakyat dan negara.



Tambahnya lagi, integriti bukan sekadar slogan yang perlu disambut sebaliknya ia merupakan pegangan dan prinsip yang perlu dipegang dan dibudayakan dalam setiap perkara yang dilakukan seterusnya menjadi nadi dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang hebat di persada dunia.

Dalam program tersebut juga YBhg. Datuk Azah Hanim turut melancarkan "Kod Etika dan Tatakelakuan DVS" di mana ia merupakan titik tolak daripada salah satu inisiatif utama yang telah diwujudkan di bawah Pelan Strategi Antirasuah

dan Integriti Veterinar 2022-2026 bagi mendukung usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dan sistem pengurusan pentadbiran DVS.

Kod Etika dan Tatakelakuan yang merangkumi komponen nilai, etika dan tatakelakuan utama ini wajar dipraktikkan dan dihayati oleh semua warga DVS seterusnya mengekang isu tatakelakuan rasuah, penyelewangan, salah guna kuasa dan kesalahan tatatertib.

Sambutan Bulan Integriti Nasional 2024 di peringkat DVS telah bermula sejak 1 November 2024 dengan pelaksanaan pelbagai pengisian antaranya:

- Kuiz Integriti sebanyak 4 siri;
- Lawatan ke Muzium Penjara Malaysia di Melaka;
- Ceramah Integriti bertajuk Al-Insan: Pedoman Dalam Kerjaya;
- Forum Integriti bertajuk "Akar dan Tanah: Canaran dan Halangan Dalam Membudayakan Integriti"; dan
- Pameran pelbagai agensi.



## SEMINAR POTENSI INDUSTRI LEMBU HIBRID PEDAGING MALAYIA 2024

Seminar Potensi Industri Lembu Hibrid Pedaging Malaysia 2024 anjuran Parlimen Malaysia dengan Kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang berlangsung di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur pada 6 Disember 2024 bertujuan untuk menyediakan platform perbincangan secara intensif dan inklusif mengenai pemahaman dan pengurusan ternakan industri lembu hibrid di Malaysia serta pengenalan kepada peluang pemasaran baharu terhadap industri ini dalam menyokong usaha kerajaan mencapai keselamatan dan keterjaminan makanan.



Seminar dirasmikan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, dan majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Ahli-Ahli Parlimen bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan wakil-wakil persatuan penternak turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan kementerian dan jabatan dalam majlis itu tadi selain para hadirin yang turut menyertainya secara dalam talian.

Dif-dif kehormat dan para jemputan dibawa berkunjung ke ruai pameran anjuran Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan dengan kerjasama Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) bagi melihat paparan maklumat tentang lembu hibrid serta teknologi pembiakan dan pembiakbakaan.



Sebanyak empat sesi pembentangan diadakan sepanjang seminar berlangsung iaitu:

**Sesi 1**  
Perkembangan Industri Penternakan Lembu Hibrid di Kelantan  
YB Dato' Ustaz Tuan Mohd Saripudin bin Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dewan Undangan Negeri Kelantan.

**Sesi 2**  
Potensi Industri Lembu Hibrid Pedaging di Malaysia  
YBrs. Dr. Saifullizam bin Abd. Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



**Sesi 3**  
Senario Semasa dan Hala Tuju Industri Penternakan Lembu Hibrid di Malaysia  
YBrs. Ts. Dr. Mazrul Fahmi Hj. Mahadzir, Doktor Perubatan Veterinar / Pengarah Milina Legacy Sdn. Bhd.

**Sesi 4**  
Isu-isu dan Cabaran Penternakan Lembu Hibrid  
Tuan Muhammad Zakirin bin Zakaria, Koperasi Ternakan Lembu Sado Utara Berhad


YB Tuan Cha Kee Chin, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas, Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian menutup seminar dengan harapan agar penternakan lembu hibrid di Malaysia dapat diperkembangkan dan seterusnya menyumbang kepada keterjaminan sumber daging negara.



## MALAYSIA MENANDATANGANI HCA ACCAHZ SEBAGAI TUAN RUMAH PERTAMA PUSAT PENYELARASAN KESIHATAN HAIWAN DAN ZONOSIS DI RANTAU ASEAN

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menandatangani Dokumen Perjanjian *Host Country* (HCA) Agreement Bagi ASEAN Coordinating Centre for Animal Health and Zoonoses (ACCAHZ) bagi pihak Kerajaan Malaysia di Wisma Tani, Putrajaya hari ini. Perjanjian ini menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah pertama kepada Pejabat ACCAHZ bagi tempoh empat (4) tahun bermula 2024 hingga 2028 bertempat di Sepang, Selangor.

ACCAHZ merupakan satu-satunya pusat penyelarasan berkaitan kesihatan haiwan dan zoonosis di peringkat serantau ASEAN dan antarabangsa di negara ini dimana ianya ditubuhkan melalui Perjanjian Penubuhan ACCAHZ yang ditandatangani bersama 10 Menteri-Menteri AMAF pada tahun 2016. Penempatan Pejabat ACCAHZ di Malaysia akan menggalakkan kerjasama dengan pelbagai pertubuhan antarabangsa dalam membangunkan kerangka kawalan penyakit haiwan dan zoonosis serta pembangunan kapasiti merangkumi program pemindahan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan teknologi.



Sesi menandatangani Dokumen Perjanjian HCA ACCAHZ disaksikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha KPKM, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah DVS dan YBrs. Dr. Mohd Shafarin bin Shamsuddin, Interim ACCAHZ Coordinating Officer (IACO) pada 13 Disember 2024 di Wisma Tani, Putrajaya.

Hadir sama menyaksikan adalah SUB Antarabangsa KPKM, Puan Siti Salwahanim binti Mohd Nazir dan para pegawai Bahagian Antarabangsa KPKM, Encik Muhamed Salim bin Mohd Ali dan Mr Yeoh Yuan Xiang, dan dari Unit Undang-Undang DVS, Puan Stephanie Boo Chuling (Ketua UUU) dan Encik Azhar Afnan bin Mohd Redzuan.

## LAWATAN KERJA KPPV KE BIO-TEC-ANGLE VACS SDN. BHD

Lawatan Kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Bio-Angle Vacs Sdn Bhd yang bertempat di UPM-MTDC Serdang, Selangor pada 13 Disember 2024.

Bio-Angle Vacs ialah sebuah syarikat yang mengkhusus dalam produk berasaskan bioteknologi, farmaseutikal veterinar dan suplemen kesihatan.

Hadir sama dalam lawatan ini adalah YBrs. Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), YBrs. Dr. Adam Abdullah Kwan, Seksyen Perubatan dan Bahan Biologik Veterinar dan pasukan.



## INISIATIF MAMPAN UIAM MEMBAWA TRANSFORMASI DALAM PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR



YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar hadir ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bersempena Diskusi Meja Bulat berkenaan kesedaran, pengurusan dan kemampuan haiwan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Masjid-Masjid di bawah Wilayah Persekutuan dan Putrajaya pada 19 Disember 2024.

Diskusi ini merupakan inisiatif *Community Action to Save Animals* (CATSA) Flagship UIAM dan Kelab Abu Hurairah UIAM yang bertujuan untuk memupuk kerjasama dan dialog antara pihak akademik, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pelajar dan pemimpin komuniti dalam mencari penyelesaian kolektif untuk menguruskan haiwan terbiar serta meningkatkan kesedaran mengenai kebajikan haiwan, dan memperkasakan pelajar serta komuniti untuk memainkan peranan aktif dalam pengurusan haiwan secara mampan.



Majlis yang di adakan di Dewan Senat UIAM dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin. Baginda turut berkenan melancarkan buku "Tails of Triumph" yang merupakan koleksi himpunan kisah-kisah haiwan yang telah berjaya diselamatkan di kampus UIAM.

## PENERIMAAN SUMBANGAN MAKANAN HAIWAN KESAYANGAN UNTUK MISI BANTUAN DI NEGERI-NEGERI TERJEJAS BANJIR

Terima kasih diucapkan (MNAWF) Malaysian National Animal Welfare Foundation, Pets Corner, Mars Petcares, The Official Site of Kelab Kucing Malaysia (KKM), Adabi Consumer, serta Farmina Malaysia atas sumbangan makanan haiwan kesayangan bagi menjayakan misi bantuan ini.

Sumbangan ini ditempatkan di DVS W.P Kuala Lumpur sebelum diagihkan kepada DVS negeri-negeri untuk diserahkan kepada pemilik haiwan kesayangan dan tempat perlindungan haiwan (shelter) yang terjejas banjir.



# MARI MEWARNA





# Catatan



# **BILIK GERAKAN BENCANA**

## **Jabatan Perkhidmatan Veterinar**

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

**03 - 8870 2404**

PERLIS

**04 - 979 2600 / 04 - 976 4531**

KEDAH

**04 - 720 5200 / 04 - 720 7424 / 04 - 720 7430**

PULAU PINANG

**013 - 445 3402**

PERAK

**05 - 545 9111 / 05 - 545 9122 / 05 - 545 9133**

SELANGOR

**016 - 503 3900**

NEGERI SEMBILAN

**019 - 703 4223**

MELAKA

**017 - 262 3375 / 012 - 698 9894**

JOHOR

**07 - 244 5944 / 07 - 244 2712**

TERENGGANU

**019 - 989 2498**

PAHANG

**09 - 513 2213**

KELANTAN

**019 - 982 3501**

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**03 - 9284 9716 / 03 - 9284 9718**



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan,  
Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62624 Putrajaya

Tel: (603) 8870 2000

Faks: (603) 8888 6021

Email: [pro\[at\]dvs.gov.my](mailto:pro[at]dvs.gov.my)